



یونیورسیتی کبڠساڠن ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

15

JABATAN BENDAHARI

UKM 3.1/224/8 Jld. VIII

Tarikh : 04 Oktober, 2004

PEKELILING BENDAHARI BIL 10/2004 ✓

Semua Dekan Fakulti
Semua Pengarah Institut / Pusat
Semua Ketua Jabatan / Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.

Pengarah
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**LAYANAN CUKAI PENDAPATAN DAN POTONGAN CUKAI BERJADUAL
(PCB) KE ATAS ELAUN DAN KEMUDAHAN KAKITANGAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin memaklumkan bahawa mulai tahun 2005 Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menguatkuasakan sepenuhnya Sistem Taksiran Sendiri.

Sebagai panduan Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengisi borang BE tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun seterusnya, bersama-sama ini diedarkan kertas makluman / senarai elaun dan kemudahan yang dikecualikan daripada dikenakan cukai pendapatan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Bahagian/ Jabatan Y.Bhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia.

s.k: -Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM
-Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM
-Pendaftar,UKM

**Perbendaharaan Malaysia
Kementerian Kewangan**

KERTAS MAKLUMAN

**Layanan Cukai Pendapatan Ke Atas Elaun
Dan Kemudahan Kakitangan Awam**

Pengenalan

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan layanan cukai pendapatan ke atas elaun dan kemudahan kakitangan awam.

Makluman

Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya elaun dan kemudahan yang diterima oleh kakitangan awam seperti disenaraikan di **LAMPIRAN I** dianggap sebagai dibelanjakan sepenuhnya bagi maksud taksiran cukai pendapatan. Dengan itu elaun dan kemudahan tersebut adalah tidak tertakluk kepada pembayaran cukai pendapatan. Keputusan ini adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003.

Elaun Dan Kemudahan Yang Lain

Elaun lain yang telah diberi layanan sama sebelum ini adalah seperti di **LAMPIRAN II** sementara elaun dan kemudahan seperti di **LAMPIRAN III** telahpun dikecualikan cukai pendapatan.

Sebaran Maklumat

Memandangkan Sistem Taksir Sendiri (STS) untuk individu dilaksanakan mulai tahun taksiran 2004 dan pembayar cukai individu termasuk

kakitangan awam perlu menaksir sendiri cukai pendapatan mereka selewat-lewatnya pada bulan April 2005, maka layanan cukai di atas hendaklah disebarikan kepada kakitangan awam.

Pemakaian

Layanan cukai di atas juga terpakai bagi semua anggota pentadbiran Kerajaan.

Putrajaya
1 Julai 2004

LAMPIRAN I

Senarai Elaun Dan Kemudahan Yang Tidak Tertakluk Kepada Pembayaran Cukai Pendapatan

Bil.	Jenis Elaun Dan Kemudahan
1.	Imbuan Tetap Perumahan (ITP)/Elaun Perumahan Wilayah (EPW)
2.	Imbuan Tetap Perumahan Khas (ITP Khas);
3.	Elaun Bekalan Elektrik Dan Air Percuma
4.	Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA);
5.	Bayaran Insentif Singapura;
6.	Bayaran Tambahan Insentif Singapura
7.	Kemudahan Telefon Bimbit
8.	Elaun Khas Mengendalikan Reaktor
9.	Elaun Bayaran Lesen Memandu

LAMPIRAN II

**Senarai Elaun dan Kemudahan Perkhidmatan Awam,
Polis DiRaja Malaysia Dan Angkatan Tentera DiRaja Malaysia
Yang Dianggap Dibelanjakan Sepenuhnya Supaya
Tidak Tertakluk Kepada Cukai.**

Bil.	Elaun	Kementerian	Perkhidmatan
1	Imbuhan Tetap Jawatan Utama/ Gred Khas	Pelbagai	Pelbagai
2	Imbuhan Tetap Keraian Awam	Pelbagai	Pelbagai
3	Imbuhan Tetap Keraian Tentera	Kem. Pertahanan	Angkatan Tentera
4	Imbuhan Tetap Keraian Polis	Kem. Dalam Negeri	Polis
5	Bayaran Insentif Detektif	Kem. Dalam Negeri	Polis
6	Bayaran Insentif Pencegah Jabatan Kastam	Kem. Kewangan	Kastam
7	Bayaran Insentif Badan Pencegah Rasuah	Jabatan Perdana Menteri	Pegawai Siasatan
8	Bayaran Bantuan Saraan Pemandu	Pelbagai	Pengurusan Tertinggi
9	Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	Pelbagai	Pengurusan Tertinggi
10	Bayaran Bantuan Pembantu Rumah	Pelbagai	Pengurusan Tertinggi
11	Bayaran Pakaian Istiadat (Awam)	Pelbagai	Kumpulan Pengurusan
12	Bayaran Pakaian Istiadat (Polis)	Kem. Dalam Negeri	Polis
13	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	Pelbagai	Pelbagai
14	Bayaran Pakaian Black Tie	Pelbagai	Pelbagai
15	Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer	Pelbagai	Operator Komputer,

			Operator Mesin, Prosesan Data
16	Elaun, Kemudahan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi	Pelbagai	Pelbagai
17	Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Polis)	Kem. Dalam Negeri	Polis
18	Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kerana Bertukar Atau Berpindah Rumah	Pelbagai	Pelbagai
19	Elaun dan Kemudahan Kerana Berkursus	Pelbagai	Pelbagai
20	Rawatan Luar Stesen	Pelbagai	Pelbagai
21	Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kerana Hadir Mahkamah	Pelbagai	Pelbagai
22	Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kerana Menghadiri Istiadat Pengurniaan Pingat	Pelbagai	Pelbagai
23	Elaun Kepada Isteri/suami kerana Mengiringi Pegawai	Pelbagai	Pelbagai
24	Elaun, Menghadiri Peperiksaan/Temuduga Kenaikan Pangkat (KPSL)	Pelbagai	Pelbagai
25	Elaun Gantian Motorsikal	Kem. Dalam Negeri	Polis
26	Tambang Penempatan Lantikan Pertama	Pelbagai	Pelbagai
27	Bayaran Urusan Peperiksaan Perkhidmatan	Pelbagai	Pelbagai
28	Bayaran Balik Pasport/Dokumen Perjalanan	Pelbagai	Pelbagai

LAMPIRAN III

Senarai Elaun Dan Kemudahan Perkhidmatan Awam, Polis DiRaja Malaysia Dan Angkatan Tentera DiRaja Malaysia Yang Tidak Dikenakan Cukai/Dikecualikan Cukai

Bil.	Elaun	Kementerian	Perkhidmatan
1	Bayaran Insentif Pembersihan Jerangkap Samar	Kem. Dalam Negeri	Polis
2	Bayaran Insentif Pemusnah Bom	Kem. Dalam Negeri	Polis
3	Bayaran Insentif Pembersihan Jerangkap Samar (ATM)	Kem. Pertahanan	Tentera
4	Bayaran Insentif Pemusnah Bom	Kem. Pertahanan	Tentera
5	Elaun Kerja Luar Kadastra	Kem. Tanah & Pembangunan Koperasi	Juruukur, Pembantu Teknik/Juruteknik Ukur & PRA
6	Bayaran Balik Letak Kereta	Pelbagai	Pelbagai
7	Elaun Kadet	Kem. Pertahanan	Tentera
8	Elaun Rekrut	Kem. Pertahanan	Tentera
9	Elaun Perbezaan Sara Hidup Kerana Berkhidmat Di Luar Negara	Kem. Luar Negeri	Pelbagai
10	Bantuan Mengurus Jenazah	Pelbagai	Pelbagai
11	Tambang Mengunjungi Wilayah Asal	Pelbagai	Pelbagai
12	Tambang Belas Ihsan Melawat Keluarga	Pelbagai	Pelbagai



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
CAWANGAN PUNGUTAN,
UNIT PCB, TINGKAT 12, BLOK 8A,
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA,
50600 KUALA LUMPUR

SULIT

No. Tel. : 03-62091000
No. Faks : 03-62015997



No Fail: E 000921600-06
Tarikh : 17/09/2004

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN BENDAHARI
UKM BANGI
43600

TUAN/PUAN,

POTONGAN PCB KE ATAS ELAUN DAN KEMUDAHAN KAKITANGAN AWAM

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Y.B Menteri Kewangan II telah memutuskan bahawa Elaun dan Kemudahan yang diterima oleh Kakitangan Awam (termasuk Kakitangan Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, semua anggota pentadbiran Kerajaan yang termasuk Ahli Majlis Parlimen, Ahli Dewan Perundangan Negeri dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan) dianggap sebagai dibelanjakan sepenuhnya bagi maksud taksiran cukai pendapatan. Oleh itu Elaun dan Kemudahan seperti disenaraikan di bawah merupakan pendapatan yang dikecualikan dari cukai pendapatan :-

- i) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP);
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan Khas (ITP Khas);
- iii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA);
- iv) Elaun Bekalan Elektrik dan Air Percuma;
- v) Bayaran Insentif Singapura;
- vi) Bayaran Tambahan Insentif Singapura;
- vii) Kemudahan Telefon Bimbit;
- viii) Elaun Khas Mengendalikan Reaktor;
- ix) Elaun Bayaran Lesen Memandu; dan
- x) Elaun Perumahan Wilayah.

2. Tarikh berkuatkuasa pengecualian cukai tersebut adalah mulai tahun taksiran 2003.

3. Bagi tujuan Potongan Cukai Berjadual (PCB), jumlah saraan bulanan hendaklah ditolak amaun Elaun dan Kemudahan tersebut terlebih dahulu bagi menentukan potongan bulanan yang perlu dibuat di bawah Jadual PCB.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' ZAINOL ABIDIN BIN ABD. RASHID
Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
MALAYSIA.

-Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan-